

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PLG 414 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia II

Tarikh: 2 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

-----  
Arahan:

Jawab TIGA soalan sahaja. Pilih SATU soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. "Pada amnya, kita boleh katakan bahawa subjek tersebut diajar dengan menggunakan perkaedahan 'ad hoc' yang diubahsuaikan mengikut kebolehan, kemampuan, pengalaman cara ia (guru) sendiri mempelajari Bahasa Malaysia dan mungkin juga kemudahan dan sikap serta orientasi guru itu sendiri terhadap bahasa tersebut".

Berdasarkan kenyataan di atas jawab soalan-soalan berikut:

- i) Buat satu ulasan ringkas tentang masalah perkaedahan dalam pengajaran Bahasa Malaysia.
- ii) Apakah yang anda faham dengan perkaedahan 'ad hoc' dan mengapakah ianya dikatakan kurang berkesan dalam pengajaran bahasa?
- iii) Nyatakan dua kaedah yang sesuai untuk mengajar kemahiran penulisan karangan dan bagaimanakah hendak melaksanakannya.

(34 markah)

...2/-

2. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Bahasa Malaysia (KBSM) 1987 nyatakan perkara-perkara berikut:

- i) Apakah yang anda faham dengan konsep 'Bahasa Malaysia merentas kurikulum'?
- ii) Nyatakan matlamat yang terkandung di dalam pengajaran pemelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah (KBSM).
- iii) Nyatakan enam aspek kecekapan berbahasa bagi kemahiran membaca sebagaimana yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Bahasa Malaysia (KBSM).

(34 markah)

BAHAGIAN B

3. Pengajaran Bahasa Malaysia selalu dipadankan dengan bahan-bahan kesusasteraan sebagai media pengajaran. Setakat manakah kenyataan ini benar? dan setakat manakah ianya boleh dipraktiskan dalam bilik darjah?

(33 markah)

4. Nyatakan apakah kemahiran-kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk memahirkan teknik meringkaskan karangan. Sila kemukakan teknik-teknik dan matlamat tertentu bagi menyokong cadangan anda itu.

(33 markah)

5. Jawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah yang anda faham dengan konsep penubuhan bahan-bahan pengukuran dan penilaian dalam Bahasa Malaysia?
- ii) Mengapakah penilaian penting diadakan di dalam pengajaran Bahasa Malaysia?
- iii) Sebutkan jenis-jenis ujian yang boleh digunakan di dalam pengajaran bahasa.

(33 markah)

...3/-

6. "Ada yang berpendapat jika seseorang guru itu boleh mengajar dengan baik dan berkesan tanpa apa-apa alatbantu, maka apakah guru tersebut perlu menggunakan alatbantu?"

Berdasarkan kenyataan ini jawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah pandangan anda terhadap kenyataan ini? Jawapan anda hendaklah dibantu dengan contoh-contoh daripada dapatan penyelidikan.
- ii) Apakah tujuan penggunaan alatan mengajar dalam bilik darjah? dan cadangan penggunaan beberapa alatan mengajar yang sesuai di dalam pengajaran Bahasa Malaysia.

(33 markah)

7. Apakah tahap-tahap kemahiran membaca yang pernah dibincangkan di dalam kuliah? Kemukakan tahap-tahap kemahiran membaca itu dan sesuaikan dengan konteks kelemahan membaca di kalangan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

(33 markah)

8. "Pengajaran bacaan bukan hanya ditumpukan kepada bidang pengajaran bahasa sahaja".

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah ulasan yang dapat anda beri mengenai masalah ini. Jawapan anda hendaklah disertai dengan contoh-contoh yang kukuh.

(33 markah)

-ooo00ooo-

